



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI PULAU PINANG
Jalan Batu Kawan,
14100 Simpang Ampat,
Seberang Perai Selatan,
PULAU PINANG



604-5047222
<http://www.bomba.gov.my>
operasi_png@bomba.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : **JBPM/PP/OPS : 600-2/5/1 Jld. 4 (23)**
Tarikh : **29 NOVEMBER 2024**

SENARAI EDARAN

Tuan,

PENGAKTIFAN DAN PELAN ATURGERAK REGIONAL FORWARD BASE (RFB) BAGI MENGHADAPI BENCANA BANJIR MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2024/2025 BAGI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan bernombor rujukan JBPM/IP/OPS: 600-2/5/1 Jld. 4 (23) bertarikh 26 November 2024 adalah berkaitan.

2. Bersama surat ini diedarkan **Pengaktifan Dan Pelan Aturgerak Regional Forward Base (RFB) Bagi Menghadapi Bencana Banjir Monsun Timur Laut (MTL) 2024/2025 Bagi Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia** untuk makluman dan tindakan tuan.
3. Sehubungan itu, pihak tuan diarahkan untuk mematuhi kehendak perintah ini.
4. Kerjasama dari semua pihak amat dihargai dan diminta mengambil tindakan sewajarnya.

'CEPAT DAN MESRA'




CERTIFIED TO ISO 9001:2015 & CERTIFIED TO ISO 37001:2016

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(PgKB II NAFIS ARIFF BIN ABDULLAH)

b.p. Penolong Pengarah,
Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
Negeri Pulau Pinang

S.K : 1. Fail
NAA/OPS/PP/JBPM/2024

SENARAI EDARAN

Penolong Pengarah,

Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat

Bahagian Keselamatan Kebakaran

Bahagian Penyiasatan Kebakaran

Bahagian Latihan

Bahagian Pengurusan

Bahagian Kejuruteraan

Ketua Zon, Jalan Perak

Ketua Balai, BBP Jalan Perak

Ketua Balai, BBP Bagan Jermal

Ketua Balai, BBP Lebuhr Pantai

Ketua Balai, BBP Paya Terubong

Ketua Zon, Bayan Lepas

Ketua Balai, BBP Bayan Baru

Ketua Balai, BBP Teluk Bahang

Ketua Balai, BBP Balik Pulau

Ketua Balai, BBP Seri Balik Pulau

Ketua Zon, Perai

Ketua Balai, BBP Perai

Ketua Balai, BBP Bukit Mertajam

Ketua Balai, BBP Bandar Perda

Ketua Balai, BBP Sungai Bakap

Ketua Balai, BBP Nibong Tebal

Ketua Balai, BBP Penanti

Ketua Balai, BBP Batu Kawan

Ketua Zon, Butterworth

Ketua Balai, BBP Butterworth

Ketua Balai, BBP Kepala Batas

Ketua Balai, BBP Tasek Gelugor

Ketua Balai, BBP Kuala Muda

Ketua Balai, BBP Bertam

Ketua Cawangan,

Cawangan Pusat Gerakan Operasi



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire and Rescue Department of Malaysia
Lebuhr Wawasan, Presint 7
62250 PUTRAJAYA



603-8892 7600
<http://www.bomba.gov.my>
operasi@bomba.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JBPM.IP.OPS: 600-2/5/1 Jld. 4 (23)
Tarikh : 26 November 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

YS Dato'/ Datuk/ Datu/ Tuan/ Puan,

PENGAKTIFAN DAN PELAN ATURGERAK *REGIONAL FORWARD BASE* (RFB) BAGI MENGHADAPI BENCANA BANJIR MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2024/ 2025 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Monsun Timur Laut (MTL) 2024/ 2025 atau lebih dikenali sebagai musim tengkujuh di Malaysia bermula pada 5 November 2024 dan berterusan sehingga Mac 2025. Dalam tempoh ini, lima hingga tujuh episod hujan lebat dijangka berlaku.

3. Sehubungan dengan itu, bagi mengaktifkan *Regional Forward Base* (RFB), bersama-sama ini dilampirkan Pelan Atur Gerak Sumber Manusia dan Logistik Pengurusan *Regional Forward Base* (RFB) bagi menghadapi bencana banjir Monsun Timur Laut (MTL) tahun 2024/ 2025 untuk perhatian YS Dato'/ Datuk/ Datu/ Tuan/ Puan.

Segala perhatian dan kerjasama dari pihak YS Dato'/ Datuk/ Datu/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(PKPJB MOHAMAD SHOKI BIN HAMZAH)
b.p. Ketua Seksyen Pengurusan Operasi
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

- s.k
- i. Ketua Pengarah
 - ii. Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
 - iii. Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat

'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001:2015 & ISO 37001:2015

SENARAI EDARAN

1. Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran
2. Pengarah Bahagian Pembangunan, Kejuruteraan dan Logistik
3. Pengarah Bahagian Latihan
4. Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran
5. Pengarah Bahagian Udara
6. Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
7. Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat
8. Pengarah Bahagian Pengurusan
9. Ketua Unit Integriti
10. Ketua Unit Kompetensi
11. Ketua Unit Pengesan

SENARAI EDARAN NEGERI

1. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P Kuala Lumpur
2. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor
3. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor
4. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Pulau Pinang
5. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang
6. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak
7. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah
8. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah
9. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak
10. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan
11. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu
12. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan
13. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka
14. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis
15. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P Labuan
16. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P Putrajaya

**PELAN ATURGERAK SUMBER MANUSIA DAN LOGISTIK DAN PENGURUSAN
REGIONAL FORWARD BASE (RFB) BAGI MENGHADAPI BENCANA BANJIR
MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2024/2025 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA (JBPM)**

1. TUJUAN

- 1.1. Menetapkan garis panduan aturgerak sumber manusia dan logistik Jabatan bagi menghadapi banjir.
- 1.2. Menetapkan mekanisme pengaktifan dan pengurusan *Regional Forward Base (RFB)*.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Walaupun pengurusan sumber manusia dan logistik bagi banjir dalam kapasiti setempat dan negeri telah dilaksanakan dengan baik, pihak Jabatan telah berpandangan keupayaan ini boleh dipertingkatkan lagi.
- 2.2. Pengurusan banjir memerlukan kelengkapan logistik yang melebihi dari keperluan biasa yang mungkin tidak dapat diatasi di peringkat negeri.
- 2.3. Sehubungan dengan itu Pelan Aturgerak Sumber Manusia dan Logistik dan Pengurusan *Regional Forward Base (RFB)* ini dirangka bagi mengurangkan masa aturgerak sumber manusia dan logistik dan meningkat keberkesanan pengurusan banjir.

3. KAEDAH PELAKSANAAN

3.1. Penetapan *Regional Forward Base (RFB)*.

- 3.1.1. Merupakan kawasan penempatan awal logistik Jabatan bagi menghadapi banjir mengikut zon yang telah ditetapkan seperti berikut:

Bil.	JBPM Negeri	Zon	<i>Regional Forward Base (RFB)</i>
1.	Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak	Zon Utara	Pengkalan Udara Bertam Pulau Pinang
2.	Negeri Sembilan, Melaka, Johor	Zon Selatan	BBP Ayer Hitam, JBPM Johor
3.	Pahang, Terengganu, Kelantan	Zon Timur	Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur (ABPMWT)

3.2. Persediaan awal

3.2.1. Semua JBPM negeri perlu melaksanakan ujian dan pemeriksaan logistik yang terlibat bagi operasi banjir seperti di bawah dan melaporkan maklumat ke Pusat Pengurusan Operasi (PPO):-

- i. Lori (3 tan dan 5 tan)
- ii. Bot (Aluminium, Kevlar, ARIB, RIB dll.)
- iii. Kenderaan utiliti 4x4 dengan penarik bot
- iv. Helikopter
- v. Genset
- vi. Jentera komunikasi

3.2.2. PPO perlu menyediakan senarai kemaskini sumber manusia dan logistik dari semua negeri sebelum arahan aturgerak dan pengaktifan RFB;

3.2.3. Semua JBPM negeri hendaklah bersedia menerima arahan dari PPO bagi aturgerak sumber dan logistik tersebut ke RFB atau negeri terjejas banjir;

3.2.4. Pengkalan Udara, JBPM negeri atau ABPM yang ditetapkan sebagai RFB perlu menyediakan Bilik Gerakan RFB, penempatan logistik dan penginapan *RFB Team*;

3.2.5. Bilik Gerakan RFB perlu diwujudkan lebih awal beserta dengan kelengkapan yang sewajarnya seperti *handheld* GORN, telefon, komputer, mesin cetak, alat tulis, papan putih, kertas A4 dan berkaitan;

3.2.6. Penempatan logistik di RFB perlu di dalam premis Jabatan atau lokasi yang selamat;

3.2.7. Pegawai dilantik sebagai *RFB Team* atau operasi lapangan hendaklah membuat persiapan seperti berikut:-

- i. Membawa *campbed*;
- ii. Pakaian operasi, baju hujan (ponco); dan
- iii. Keperluan diri lain yang mencukupi bagi tempoh 7 hari;

3.2.8. Bagi mengurangkan masa yang diambil untuk persiapan bagi pengaktifan RFB:

- i. Semua JBPM Negeri hendaklah berada dalam *standby mode*;

- ii. Semua JBPM Negeri hendaklah menyediakan senarai nama pegawai-pegawai dan kemudahan logistik yang boleh digerakkan dalam masa tiga (3) jam selepas diarahkan oleh PPO; dan
- iii. Semua JBPM Negeri hendaklah negeri mengemukakan senarai nama dan logistik tersebut kepada PPO pada setiap pagi sebelum jam 09:00.

3.3. Pengaktifan dan penutupan Bilik Gerakan *Regional Forward Base (RFB)*

- 3.3.1. PPO akan menerima arahan pengaktifan Bilik Gerakan RFB daripada Ketua Seksyen Pengurusan Operasi, Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat;
- 3.3.2. Bilik Gerakan RFB akan diaktifkan dan ditutup berdasarkan arahan oleh PPO kepada Ketua RFB dan RFB Team;
- 3.3.3. Pengaktifan Bilik Gerakan RFB perlu dimaklumkan oleh PPO ke semua PGO JBPM negeri / akademi;
- 3.3.4. Operasi Bilik Gerakan RFB adalah 24/7 setiap hari sehingga operasi tamat.

3.4. Aturgerak sumber dan logistik ke *Regional Forward Base (RFB)*


- 3.4.1. Sumber manusia dan logistik akan digerakkan dari negeri yang tidak terlibat dengan banjir terutamanya dari JBPM negeri pantai barat seperti Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya dan ABPM;
- 3.4.2. Bantuan dari negeri yang diarahkan oleh PPO perlu digerakkan dalam tempoh 24 jam selepas arahan diterima.

3.5. *Regional Forward Base Team (RFB Team)*

- 3.5.1. RFB Team perlu ditubuhkan dalam tempoh 24 jam selepas mendapat arahan dari PPO;
- 3.5.2. RFB Team akan dilantik oleh PPO;
- 3.5.3. Pegawai yang dilantik sebagai *RFB Team* perlu memastikan aturgerak ke RFB dilaksanakan dalam tempoh 24 jam selepas arahan diterima;
- 3.5.4. Semua RFB Team yang diarah bertugas di RFB oleh PPO hendaklah melaporkan diri dan menerima arahan daripada Komander RFB Team;

3.5.5. PPO perlu menyerahkan Pelan Aturgerak Sumber Manusia dan Logistik dan Pengurusan *Regional Forward Base* (RFB) ini kepada *RFB Team* sebagai panduan gerak kerja;

3.5.6. Carta RFB Team dan tanggungjawab:-



Bil.	Jawatan	Tanggungjawab RFB Team
i.	Komander <i>Regional Forward Base</i> (KB 41/44)	- Mengadakan mesyuarat/ taklimat gerak kerja berkaitan. - Bersiap sedia menerima arahan aturgerak sumber manusia dan logistik dari PPO. - Mengarahkan aturgerak sumber dan logistik dari RFB. - Memantau kesiapsiagaan sumber manusia dan logistik yang telah digerakkan
ii.	Timbalan KRFB / Peg. Perancangan (negeri / akademi penempatan RFB)	- Sebagai Timbalan Komander RFB - Merancang aturgerak sumber dan peralatan logistik dari RFB ke negeri. - Merangka pelan penggantian sumber manusia dan peralatan logistik.
iii.	Ketua Logistik (negeri / akademi penempatan RFB)	- Mengemaskini jumlah dan status sumber dan logistik di RFB. - Memastikan keselamatan sumber dan logistik di RFB. - Menentukan samada pemandu yang menghantar logistik kenderaan perlu berada di RFB atau kembali ke tempat bertugas.

iv.	Ketua Kejuruteraan (negeri / akademi penempatan RFB)	• Memastikan logistik berada dalam keadaan baik dan bersiap sedia. • Melaksanakan baik pulih/ pembaikan kecemasan logistik.
v.	Ketua Komunikasi (negeri / akademi penempatan RFB)	• Menyediakan bilik gerakan RFB • Melaporkan aktiviti dan atugerak sumber manusia dan logistik ke PPO dari semasa ke semasa. • Menghantar laporan harian ke PPO pada 9.00 pagi dan 9.00 malam.
vi.	Ketua Kebajikan (negeri / akademi penempatan RFB)	• Memastikan penyediaan makan minum dan rangsum pegawai di RFB. • Menyediakan tempat bermalam kepada RFB Team.

3.6. Kaedah permohonan sumber dan logistik


- 3.6.1. JBPM negeri yang memohon bantuan sumber manusia (termasuk pakar) dan logistik perlu merancang lebih awal kuantiti yang diperlukan dan memohon ke PPO melalui PGO JBPM negeri;
- 3.6.2. JBPM negeri yang memohon logistik kenderaan perlu menyatakan samada ingin memohon kenderaan sahaja atau kenderaan bersama pemandu bagi tujuan pelarasan;
- 3.6.3. PPO akan mengarahkan Komander RFB untuk melaksanakan aturgerak sumber dan logistik dari RFB ke negeri terlibat banjir;
- 3.6.4. Sekiranya terdapat sebarang keperluan penambahan sumber dan logistik di RFB, Komander RFB akan membuat permohonan ke PPO.

3.7. Pelan penggantian sumber manusia dan logistik

- 3.7.1. Penggantian bagi *RFB Team* atau sumber manusia adalah tujuh hari (7) termasuk perjalanan pergi dan balik ke tempat bertugas asal;
- 3.7.2. Penggantian bagi sumber manusia juga diambilkira atas faktor kecemasan dan lain-lain.

4. Kawalan kewangan & Makan Minum

- 4.1.1. Penyediaan makan minum di RFB atau operasi di lapangan hendaklah disediakan di bawah peruntukan JBPM Negeri.
- 4.1.2. Pegawai dari luar tempat bertugas yang terlibat di RFB atau operasi di lapangan hanya dibenarkan membuat tuntutan harian, lojing, dobi dan/ atau makan minum sekiranya tidak disediakan dan adalah tertakluk kepada kawalan kewangan di negeri/akademi tempat bertugas.



(PKPJB MOHAMAD SHOKI BIN HAMZAH)
b.p. Ketua Seksyen Pengurusan Operasi
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Tarikh: 26 November 2024

MIR/RFBMTL/OB